

Kedua-dua bentuk penjajahan ini mencemarkan maruah bangsa. Oleh itu masyarakat dalam sesebuah negara perlu mengekalkan semangat nasionalisme kerana ia dapat membantu mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Pahlawan

Perdana Menteri juga menegur golongan yang menentang semangat nasionalisme dengan alasan ia bertentangan dengan perpaduan ummah menurut Islam.

"Semangat nasionalisme yang dianjurkan bertujuan membezakan kebudayaan dan negara. Kita tetap menyanjung Islam sebagai pegangan hidup.

"Allah juga mencipta manusia dalam berbagai kaum dan puak supaya mereka saling berkenal dan menyayangi satu sama lain." Beliau menyeru rakyat mengenang juga jasa pahlawan yang menentang penjajahan British di Sabah dan Sarawak.

"Perjuangan Rosli Dobi menentang Raja Brooke di Sarawak dan Mat Salleh di Sabah mungkin sekali imbas tidak berjaya. Tetapi semangat yang ditunjukkan oleh mereka telah digunakan untuk memperjuangkan kemerdekaan negeri itu," tambahnya.

'Bina semangat nasionalisme untuk kekal merdeka'

KUALA LUMPUR, Khamis — Rakyat negara ini dianjurkan membina semula semangat nasionalisme supaya kemerdekaan yang dikecap sehingga 28 tahun ini dapat dikembalikan.

Berucap di majlis meraihan penentang-penentang Malayan Union di sini hari ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam dunia yang moden ini negara merdeka sering terjah kebudayaannya.

"Penjajahan kebudayaan ini kerap membawa masalah yang lebih buruk kepada rakyat sama seperti penjajahan bersenjata yang dilakukan oleh kuasa-kuasa besar dahulu," katanya.